

SIRI SEJARAH PENTADBIRAN

SIRI
SALAM

**SEJARAH PENTADBIRAN
JABATAN PERDANA MENTERI**



Arkib Negara Malaysia
1986

11
304137074
253

466486
APB

10 AUG 1988
Perpustakaan Negara
Malaysia

KANDUNGAN

| | | MUKA SURAT |
|---|-------|---------------|
| Pendahuluan | | i |
| Jabatan Perdana Menteri | | 1 |
| Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Tenaga Manusia | | 5 |
| Unit Penyelidikan Sosioekonomi | | 7 |
| Unit Perancangan Ekonomi | | 9 |
| Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam | | 14 |
| Majlis Keselamatan Negara | | 18 |
| Jabatan Pemegang Amanah Raya | | 19 |
| Jabatan Pemegang Harta | | 22 |
| Jabatan Perkhidmatan Awam | | 25 |
| Institusi Tadbiran Awam Negara | | 31 |
| Jabatan Perpaduan Negara dan Rukuntetangga | | 35 |

PENDAHULUAN

Pelbagai usaha telah dijalankan oleh Jabatan Arkib Negara Malaysia untuk mengeluarkan penerbitan-penerbitan mengenai bahan-bahan yang berada di dalam simpanan Arkib Negara. Antaranya termasuklah Senarai-senarai Penerimaan, Inventori, Penerbitan-penerbitan In- extenso, Panduan Rekod-rekod Negeri, Panduan Rekod-rekod Persekutuan dan senarai bahan-bahan mengenai topik-topik tertentu. Sebahagian besar daripada Panduan-panduan tersebut tidak mempunyai sejarah pentadbirannya.

Dalam usaha untuk melengkapkan lagi Panduan-panduan tersebut, Arkib Negara telah menjalankan satu projek yang diberi nama Projek Sejarah Pentadbiran Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan yang telah dimulakan pada bulan Ogos 1984. Panduan ini disediakan berdasarkan maklumat sehingga tahun 1982 dan pada ketika itu terdapat 24 buah Kementerian di dalam pentadbiran Kerajaan Persekutuan. Projek ini dimulakan dengan Jabatan Perdana Menteri termasuk semua Jabatan yang terletak di bawahnya.

Kajian Sejarah Pentadbiran adalah penting, dan setiap kumpulan arkib perlu mempunyai sejarah lengkap dan tepat mengenai Jabatan-jabatan yang mengwujudkan rekod-rekod tersebut. Maklumat latarbelakang seperti ini merupakan alat yang tidak boleh dipisahkan di dalam menjelaskan makna rekod-rekod Kerajaan dan di dalam memahami fungsi Jabatan-jabatan berkenaan. Sejarah pentadbiran juga dapat membantu Pegawai-pegawai Arkib mengenali keadaan sebenar rekod-rekod yang berada di dalam jagaannya.

Kerja-kerja untuk menyediakan sejarah pentadbiran 24 buah Kementerian dan sejumlah besar Jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan amat rumit dan memerlukan masa yang panjang. Oleh itu Sejarah Pentadbiran ini akan diterbitkan berperingkat-peringkat dalam bentuk siri yang dinamakan 'SIRI SEJARAH PENTADBIRAN'. Terbitan perintis dalam SIRI ini ialah Sejarah Pentadbiran Jabatan Perdana Menteri.

Saya mengakui bahawa sejarah pentadbiran Jabatan Perdana Menteri ini, dari segi bentuk dan maklumat-maklumat adalah tidak selengkap yang diharapkan, sebab beberapa masalah yang dihadapi. Namun demikian, saya berharap sejarah pentadbiran ini dapat membantu penyelidik-penyelidik yang berminat untuk mengetahui latarbelakang sejarah penubuhan, objektif-objektif dan fungsi-fungsi sesebuah Jabatan yang tertentu.

Akhir kata saya ingin mengucapkan tahniah kepada Puan Wan Jamilah Rahman khasnya dan kakitangan di Perkhidmatan Penerbitan, Penyelidikan dan Panducari yang telah berusaha menjayakan terbitan ini.

ZAKIAH HANUM
Ketua Pengarah,
Arkib Negara Malaysia.

Jun, 1986

JABATAN PERDANA MENTERI

Jabatan Perdana Menteri telah ditubuhkan pada bulan Julai 1957 setelah Pejabat Ketua Setiausaha dimansuhkan.

Penubuhan Jabatan Perdana Menteri bertujuan untuk:

1. merancang, merumus dan menyelaras segala dasar dan matlamat negara untuk pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan bagi menjamin kebahagiaan dan kesempurnaan hidup rakyat Malaysia;
2. menentukan segala urusan-urusan dalam bidang pentadbiran kewangan, perjawatan, perkhidmatan, Istiadat dan keseluruhan Jabatan dan pengurusan persidangan yang dianjurkan oleh Kerajaan Malaysia dilaksanakan mengikut peraturan-peraturan yang ditentukan dari semasa ke semasa.

Pada mula ditubuhkan, Jabatan ini terdiri daripada Bahagian Kabinet dan Perlembagaan, Bahagian Keselamatan dan Risikan dan Urusetia bagi Penasihat Ekonomi. Dalam bulan November 1961, Bahagian Keselamatan dan Risikan diletakkan di bawah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri (yang kemudiannya dikenali sebagai Kementerian Dalam Negeri).

Pada tahun 1961, Jabatan Perdana Menteri mengandungi Bahagian Kabinet dan Perlembagaan, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Bahagian Istiadat, Bahagian Penyelidikan, Unit Penyelidikan Ekonomi, Biro Terjemahan Persekutuan, Pejabat Perumahan, Bahagian Hal Ehwal Malaysia, Pusat Pembangunan Pengajian, Unit Pembangunan Pengajian, Unit Pembangunan Pentadbiran dan Bahagian Geraksaraf.

Dalam tahun 1982, Jabatan Perdana Menteri semakin berkembang di mana beberapa Unit dan Bahagian lagi telah diwujudkan. Unit-unit dan Bahagian-bahagian tersebut terdiri daripada Bahagian Kabinet, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Urusetia Persidangan Antara-bangsa, Bahagian Pengurusan Bangunan-bangunan Kerajaan, Biro Terjemahan Persekutuan, Bahagian Istiadat, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia, Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi dan Unit Perancang Ekonomi.

BAHAGIAN KABINET

Bahagian Kabinet menjadi urusetia kepada Jemaah Menteri, Jawatankuasa-jawatankuasa Kabinet, Mesyuarat Menteri-menteri Besar, Ketua Menteri dan Jawatankuasa-jawatankuasa lain yang melibatkan kerja-kerja mengurus mesyuarat, menyediakan kertas-kertas, minit-minit mesyuarat dan mengedarkannya kepada Kementerian-kementerian untuk tindakan. Ia juga mengkaji kertas-kertas Jemaah Menteri dari segi implikasi-implikasi dasar; menganalisa kertas-kertas Jawatankuasa-jawatankuasa Kabinet dan Jawatankuasa-jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara atau yang ditubuhkan di bawah Bahagian Kabinet, mengendalikan tindakan penyusulan atas pelaksanaan keputusan-keputusan Jemaah Menteri dan menguruskan sistem maklumbalas serta pengurusan rekod mengenai keputusan-keputusan Jemaah Menteri dan Jawatankuasa-jawatankuasa lain untuk mengesan

keputusan-keputusan dan kemajuan pelaksanaannya dan menganalisa isu-isu semasa yang penting dan spesifik yang ada implikasi dasar.

Bahagian Kabinet juga bertanggungjawab menguruskan perlantikan di bawah undang-undang dan Perlembagaan yang memerlukan persetujuan nasihat Y.A.B. Perdana Menteri dan perkenan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, menyediakan kertas-kertas untuk pertimbangan Majlis Raja-raja bagi perlantikan jawatan-jawatan tertentu seperti yang dikehendaki oleh Perlembagaan dan menguruskan hal ehwal Parlimen. Selain daripada itu Bahagian ini juga menjadi urusetia kepada Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan yang melibatkan kerja-kerja menguruskan mesyuarat, penyediaan kertas-kertas berkenaan dengan tanah dan menjalankan tindakan penyusunan mengenai kemajuan pembangunannya dan menguruskan kerja-kerja Pasukan Petugas untuk tujuan-tujuan tertentu.

BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

Bahagian ini bertanggungjawab untuk mengendalikan hal ehwal pentadbiran, perkhidmatan kakitangan dan kewangan bagi keseluruhan Jabatan Perdana Menteri. Terdapat beberapa unit di bawah Bahagian Pentadbiran dan Kewangan seperti urusetia Persidangan Antara-bangsa, Biro Pengaduan Awam, Pejabat Keselamatan Kerajaan, Cawangan Istiadat, Urusetia Hal Ehwal Wanita dan Pejabat-pejabat Bekas Perdana Menteri.

BAHAGIAN PENGURUSAN BANGUNAN—BANGUNAN KERAJAAN

Antara lain, aktiviti Bahagian ini melibatkan kerja-kerja merancang, melaksana dan menyelaraskan pembinaan dan pengindahan bangunan-bangunan gunasama, rumah-rumah pangsa dan rumah-rumah peranginan Kerajaan Persekutuan. Ia juga memproses borang-borang permohonan untuk membeli dan membina bangunan-bangunan oleh Jabatan-jabatan Kerajaan. Bahagian ini juga bertanggungjawab memproses semua permohonan dari Kementerian dan Jabatan Kerajaan Persekutuan untuk menyewa ruang pejabat swasta serta keperluan ruang pejabat di Bangunan-bangunan Pejabat Kerajaan. Selain daripada itu, Bahagian ini juga bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan rumah-rumah biasa Kerajaan, Rumah Tetamu Kerajaan, Rumah-rumah Persekutuan, Rumah-rumah Peranginan Persekutuan di Port Dickson dan Morib serta penyelenggaraan bangunan-bangunan lain seperti kompleks Jabatan Perdana Menteri, Istana Negara, Pusat Islam, Masjid Negara serta rumah-rumah kediaman rasmi para Menteri.

BAHAGIAN ISTIADAT

Bahagian Istiadat mempunyai dua tugas utama. Pertama, Bahagian ini bertanggungjawab terhadap semua perkara berhubung dengan penganugerahan Darjah dan Bintang Kebesaran Persekutuan pada Ulang Tahun Hari Keputeraan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tugas kedua, ialah menjadi urusetia untuk mengendalikan majlis-majlis rasmi Kerajaan seperti sambutan Hari Keputeraan Nabi Muhammad s.a.w., Hari Keputeraan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Majlis Musabaqah membaca

Al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa, Hari Raya Aidilfitri dan Aidiladha, Istiadat meletak kalungan bunga Hari Pahlawan, Sambutan Hari Pahlawan, Sambutan Hari Kebangsaan, Istiadat Pembukaan Parlimen, lawatan-lawatan oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke negeri-negeri dalam Malaysia, lawatan-lawatan oleh Ketua-ketua Negara atau Kerajaan Asing ke Malaysia dan perihal pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Bahagian ini juga membantu Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan dan pertubuhan-pertubuhan untuk menyediakan dan menyusun berbagai-bagai aturcara upacara-upacara.

UNIT URUSETIA PERSIDANGAN ANTARABANGSA

Unit ini ditubuhkan pada 3 Oktober 1979 bagi mengelola dan membantu sebarang persidangan, seminar dan bengkel di peringkat antarabangsa anjuran Kerajaan Malaysia. Urusetia Persidangan Antarabangsa bertanggungjawab kepada Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Perdana Menteri. Fungsi-fungsi Urusetia Persidangan Antarabangsa ialah untuk merancang, menyelaras dan melaksanakan persidangan, bengkel dan seminar melainkan persidangan-persidangan yang dikelolakan oleh Urusetia ASEAN, membantu Kementerian dan Jabatan menyediakan anggaran belanjawan persidangan, merancang segala persidangan dan seminar antarabangsa bersama dengan agensi Kerajaan yang menganjurkannya, menjadi ahli dalam Jawatankuasa Pusat Penganjur dan menubuhkan Jawatankuasa Kecil untuk memberi perkhidmatan dan kemudahan persidangan.

UNIT PENYELARASAN PELAKSANAAN

Unit ini mempunyai fungsi untuk mengawasi serta menilai pelaksanaan semua rancangan pembangunan di bawah rancangan Malaysia keempat dengan menggunakan sistem pengesanan projek, mengawasi serta menilai pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru pada keseluruhannya; mengawasi perjalanan semua Perbadanan Agensi Perusahaan Awam yang memegang amanah untuk dipindahmilik kepada kaum bumiputera, khususnya bagi agensi-agensi yang diletakkan di bawah jagaan Jabatan Perdana Menteri, seperti PERNAS dan Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia, menyelaraskan polisi-polisi semua Kementerian, Jabatan Kerajaan dan Agensi-agensi Kerajaan serta merangka polisi-polisi baru dan mengubah polisi-polisi baru dan polisi yang ada untuk menentukan tercapainya objektif-objektif Dasar Ekonomi Baru, mengawasi dan menyelaras pelaksanaan program-program sosial dan pembangunan masyarakat seperti Gerakan Pembaharuan dan mengwujudkan serta mengemaskinikan sistem pengurusan maklumat.

Unit ini menjadi urusetia kepada Jawatankuasa Kerja Majlis Tindakan Negara untuk mengesan dan mengikuti kemajuan pelaksanaan rancangan-rancangan yang berkaitan secara langsung dan tidak langsung kepada pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Unit ini juga bertanggungjawab bagi mengikuti keputusan yang dibuat oleh Majlis Tindakan Negara untuk memastikan supaya semua ketetapan yang dibuat dilaksanakan oleh semua Kementerian dan Agensi Kerajaan dalam tempoh masa yang munasabah.

Sistem Jawatankuasa Tindakan ini juga dilaksanakan di peringkat negeri dan daerah dan minit-minit mesyuarat kedua-dua peringkat ini dihantar kepada Unit Penyelarasan Pelaksanaan untuk makluman serta tindakan selanjutnya jika perlu. Pejabat-pejabat Kemajuan

Negeri diletakkan di bawah Unit ini.

Unit ini juga menjadi urusetia bersama kepada Jawatankuasa Penyelarasan Penyertaan Bumiputera di dalam Perdagangan dan Perindustrian Peringkat Persekutuan. Unit ini juga mengawasi dan menyelaras jawatankuasa-jawatankuasa yang sama di peringkat negeri.

Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Intergrasi Wanita dalam pembangunan telah ditubuhkan pada 30 Ogos 1975 dengan Unit Penyelarasan sebagai Urusetia kepada Majlis. Di samping itu unit ini juga memberikan perhatian terhadap struktur pekerjaan di dalam sektor awam, menerusi pelaksanaan Perkara 153 dalam Perlembagaan Persekutuan dan sektor swasta supaya dapat mencerminkan keseimbangan kaum di negara ini.

Unit ini juga bertanggungjawab untuk mengawasi pelaksanaan laporan mengenai Pertubuhan Masyarakat Perniagaan dan Perusahaan Melayu. Ia memastikan agar sekurang-kurangnya 30 peratus daripada kegiatan perniagaan dan perusahaan negara ini adalah milik dan dijalankan oleh Bumiputera menjelang tahun 1990.

UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN TENAGA MANUSIA

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia (UPTM), lebih dikenali sebagai MAMPU iaitu singkatan bagi Malaysian Administrative Modernisation and Manpower Planning Unit, telah ditubuhkan pada bulan Mei 1977 di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Objektif penubuhan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia ialah untuk:-

1. merancang pemodenan tadbiran dan memberi perkhidmatan perundingan awam, di samping menjalankan dan menyelaraskan proses-proses perancangan dan kemajuan tenaga manusia;
2. memperbaiki dan memodenkan sistem dan tatacara pentadbiran di peringkat operasi melalui kajian-kajian sistem dan pengurusan, khususnya untuk mempercepatkan proses-proses pelaksanaan pembangunan;
3. memperkenalkan teknik pengurusan baru dan inovasi-inovasi tertentu dalam jentera Kerajaan untuk memperbaiki kekesan pengurusan bahan-bahan (resource) dan perjalanan program-program di semua peringkat Kerajaan; dan
4. memperkenalkan sistem yang lebih berkesan dalam usaha merancang dan memajukan tenaga manusia supaya pelunjuran (projection) ke atas keperluan tenaga manusia dapat dibuat untuk pembangunan ekonomi.

Tugas-tugas utama dalam Pemodenan Tadbiran ialah:-

1. melicinkan jentera-jentera pentadbiran tanah dan daerah dan memperkenalkan konsep-konsep dan teknik-teknik baru dalam pengurusan pentadbiran;
2. untuk memberi perhatian khas kepada masalah-masalah pentadbiran dan pengurusan termasuk isu-isu pentadbiran Kerajaan Negeri, terutama kawasan-kawasan yang kurang maju dan memberi penyelesaian alternatif; dan
3. memberi perhatian segera kepada agensi-agensi pembangunan yang menghadapi masalah pentadbiran dan pengurusan dalam melaksanakan projek sosio-ekonomi dan mengemukakan penyelesaian-penyelesaian yang inovatif.

Manakala tugas-tugas utama dalam Perancangan Tenaga Manusia ialah:-

1. menyelaraskan perancangan dan amalan tenaga manusia di peringkat makro;
2. menubuhkan satu sistem perancangan dan amalan mengenai penawaran dan permintaan bagi pekerja-pekerja separa ikhtisas dalam sektor-sektor awam dan swasta.

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia juga menjalankan kajian perundingan pengurusan (Management consultancy studies) atas arahan Ketua Setiausaha Negara, mengenai kajian-kajian ke atas masalah-masalah pengurusan di dalam bidang keutamaan (priority areas).

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia akan juga menjalankan kajian-kajian perundingan pengurusan di atas permintaan organisasi yang memerlukan perkhidmatan ini. Organisasi berkenaan hendaklah diwakili oleh sekurang-kurangnya seorang pegawai kanan untuk menjadi ahli di dalam pasukan perundingan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia.

UNIT PENYELIDIKAN SOSIOEKONOMI

Mulai dari 1 Januari 1980, Unit Penyelidikan Sosioekonomi dan Perancangan Am (SERGPU) telah disusun semula dan dicantumkan dengan Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia (MCDS) dengan diberi nama baru iaitu Unit Penyelidikan Sosioekonomi atau SERU (Socioeconomic Research Unit). Dengan percantuman itu, beberapa Bahagian/Jabatan lain yang dahulunya di bawah pengawasan SERGPU telah dipindahkan. Biro Pengaduan Awam (BPA) telah dipindahkan di bawah Pengawasan Timbalan Ketua Setiausaha, Jabatan Perdana Menteri, Unit Kemajuan Petroliaam di bawah Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan dan Jabatan Perangkaan diletakkan di bawah Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Sebelum ini, Unit Penyelidikan Sosioekonomi dan Perancangan Am (SERGPU) hanyalah sebuah unit yang terdiri daripada Bahagian Penyelidikan dan Perancangan Am sahaja. Kemudian pada tahun 1978, Unit ini telah melalui satu proses dalam beberapa bidang pengkhususan dan mengandungi empat Bahagian yang membuat pengkhususan dalam bidang-bidang berikut:-

1. Penyelarasan Penyelidikan Am dan Tugas-tugas Khas (Bahagian Penyelarasan dan Tugas-tugas Khas);
2. Kajian mengenai kesan-kesan Sosioekonomi dari Kemajuan Pertanian (Bahagian Pertanian);
3. Kajian mengenai kesan-kesan Sosioekonomi dari Kemajuan Perusahaan (Bahagian Perusahaan); dan
4. Kajian mengenai Pertumbuhan Penduduk, Penghijrahan, Penempatan dan Berbagi Golongan Miskin (Bahagian Kemiskinan).

Penubuhan Unit Penyelidikan Sosioekonomi bertujuan untuk:-

1. Mengesan keperluan dan menjalankan penyelidikan impek sosioekonomi terhadap usaha pembangunan negara bagi kepentingan perancangan dan pelaksanaan yang lebih berkesan;
2. Mengesan, menyelaraskan dan mengawal usaha-usaha penyelidikan sosioekonomi oleh agensi-agensi lain dan penyelidik-penyelidik dari dalam dan luar negeri supaya hasilnya dapat memberi sumbangan optima kepada proses pembangunan negara dan masyarakat;
3. Memberi bantuan tenaga atau kerjasama dalam penyelidikan sosioekonomi dengan agensi-agensi lain dalam bidang penilaian kesan rancangan-rancangan dan projek pembangunan yang telah, sedang dan akan diselenggarakan; dan
4. Mewujudkan forum perbincangan mengenai masalah-masalah pembangunan melalui seminar, percetakan, pengumpulan maklumat dan analisa dasar di

peringkat tempatan, kebangsaan dan juga antarabangsa bagi kepentingan pembangunan negara.

Fungsi-fungsi utama Unit Penyelidikan Sosioekonomi ialah:-

1. Penyelidikan Projek-projek Penyelidikan Unit Penyelidikan Sosioekonomi adalah merupakan kajian kekesanan atau imek sosioekonomi dari program-program dan projek-projek pendidikan yang dijalankan di samping penyelidikan. Unit ini juga mengesan, menyelaras dan mengawal penyelidikan oleh pihak lain supaya hasilnya dapat memberi faedah yang sebaik-baiknya kepada negara dan masyarakat. Tugas ini termasuklah mengumpul hasil penyelidikan sosioekonomi oleh agensi-agensi lain, menimbang dan meluluskan permohonan membuat penyelidikan di Malaysia oleh pakar-pakar dari dalam dan luar negeri. Maklumat dan data-data dari pelbagai jenis penyelidikan juga dikumpul, diproses dan disimpan untuk keperluan mengesan, menilai dan mengatasi masalah pembangunan sosioekonomi.
2. Unit ini juga mengendalikan seminar dan perbincangan mengenai aspek dan masalah penting dalam pembangunan baik di peringkat masyarakat akar umbi. Usaha ini merupakan sebahagian daripada usaha penyelidikan dan memperbaiki proses pembangunan melalui hubungan dua hala antara Kerajaan dan masyarakat. Untuk tujuan ini, Unit Penyelidikan Sosioekonomi menyusun, mencetak dan mengedarkan bahan-bahan bacaan yang berguna untuk pegawai-pegawai perancangan pentadbiran dan pelaksanaan pembangunan di samping masyarakat umum seluruhnya.

Dari segi organisasi, Unit Penyelidikan Sosioekonomi dibahagikan kepada 6 bahagian untuk menjalankan tugas-tugas di atas. Bahagian-bahagian tersebut ialah Bahagian Penyelidikan Impek Pembangunan, Bahagian Makro dan Penyelidikan Perbandingan, Bahagian Analisa Data dan Dasar, Bahagian Penyelarasan dan Urusetia, Bahagian Kaji Segera dan Bahagian Tadbir dan Kewangan.

Di peringkat kawasan, SERU mempunyai sembilan cawangan iaitu Cawangan Johor Bahru, Tengah (meliputi Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor), Utara (Perak dan Pulau Pinang); Kedah/Perlis; Kelantan; Terengganu; Pahang; Sabah dan Sarawak.

Melalui cawangan-cawangan inilah SERU menjalankan penyelidikan di peringkat Negeri dan Daerah, menjalankan seminar akar umbi, mendapatkan data serta maklumat secara am dari Negeri dan Daerah dan memberikan kerjasama serta bantuan penyelidikan secara langsung kepada Kerajaan-kerajaan Negeri.

UNIT PERANCANG EKONOMI

Unit Perancang Ekonomi (UPE) yang sebelum ini dikenali sebagai Bahagian Perancang Ekonomi adalah agensi Pusat Kerajaan untuk merancang pembangunan ekonomi negara. Ia merupakan urusetia kepada Majlis Perancang Negara (MPN), Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara (JPPN), Jawatankuasa Pelaburan Asing (JAPA) dan Panel Ekonomi.

Objektif penubuhan Unit Perancang Ekonomi ialah:-

1. Merangka strategi perancangan pembangunan ekonomi negara berasaskan pelunjuran-pelunjuran ekonomi secara makro;
2. Sumber-sumber yang akan dihasilkan;
3. Perubahan yang berlaku dalam ekonomi serta mengambil kira rancangan-rancangan sektoral; dan
4. Program-program dan projek-projek di peringkat Pusat dan Wilayah sejajar dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Fungsi-fungsi Unit Perancang Ekonomi ialah:-

1. Menggubal matlamat-matlamat Kerajaan dalam perancangan, pembangunan dan menyediakan rancangan-rancangan pembangunan lima tahun;
2. Menyediakan pembangunan tahunan untuk disampaikan kepada Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara (JPPN) dan Jemaah Menteri;
3. Menyelaraskan pelaksanaan berbagai projek pembangunan;
4. Menilai kemajuan dan hasil-hasil pelaksanaan perancangan pembangunan lima tahun dan memperakukan perubahan dari semasa ke semasa apabila diperlukan;
5. Mengesan dan mengumpul maklumat-maklumat semasa mengenai ekonomi pada amnya;
6. Mengadakan penyelidikan, sosial dan ekonomi yang diperlukan; dan
7. Merancang serta menyelaras bantuan teknik dan pinjaman dari luar negeri bagi pelaksanaan rancangan pembangunan lima tahun dan menjadi urusetia untuk Program Teknik Malaysia untuk negara-negara asing yang ditentukan oleh Kerajaan.

Organisasi Unit Perancang Ekonomi pada tahun 1975 adalah terdiri daripada 2 Bahagian yang besar, iaitu Bahagian Perancangan Negara dan Bahagian Operasi.

BAHAGIAN PERANCANGAN NEGARA

Bahagian ini menitikberatkan keseluruhan isu-isu pembangunan sosioekonomi dan matlamat bagi jangka pendek, pertengahan dan jangka panjang. Tugas-tugas bahagian ini ialah mengkaji trend-trend utama yang melibatkan kemajuan ekonomi; mengkaji prospek ekonomi dalam konteks yang berkembang dan objektif pembahagian di bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan menubuhkan matlamat-matlamat dan strategi-strategi tertentu untuk pertumbuhan dasar dan kelulusan. Kegiatan-kegiatan Bahagian ini meliputi lima bidang kerja iaitu Pembahagian, Penduduk/Pekerjaan, Analisa antara industri, Ekonomi Makro dan Ekonomi Kawasan.

SEKSI PEMBAHAGIAN

Seksi ini menumpukan perhatian kepada penilaian kemajuan rancangan pembangunan lima tahun dari segi pembahagian dan hakmilik harta, kumpulan-kumpulan orang miskin dan menyusun semula masyarakat seperti yang dikehendaki oleh Dasar Ekonomi Baru.

SEKSI PENDUDUK DAN PEKERJAAN

Seksi ini menumpukan perhatian kepada analisa penduduk, pekerjaan dan pengangguran dalam kedua-dua sektor awam dan swasta.

SEKSI EKONOMI MAKRO

Seksi ini menimbangkan keseluruhan ekonomi makro, antara lain pelaburan awam dan swasta, penggunaan, eksport dan import harga, pengeluaran dan pendapatan dari segi keseluruhan dan juga kawasan.

SEKSI PERANCANGAN KAWASAN

Seksi ini menilai potensi pembangunan negara berasaskan kepada pembahagian punca-punca alam semulajadi dan kemanusiaan di sekitar Wilayah-wilayah di negara ini.

SEKSI ANALISA ANTARA INDUSTRI

Seksi ini bekerjasama rapat dengan Jabatan Perangkaan dalam membuat analisa jadual input-output tahunan yang disusun oleh Jabatan tersebut. Seksi ini menentukan banyaknya jumlah pengaliran antara industri dalam berbagai-bagai sektor ekonomi dan mengaitkannya dengan banyaknya permintaan akhir (final demand) kepada keupayaan tiap-tiap sektor untuk menghadapi permintaan itu. Setelah menentukan perhubungan antara sektor, seksi ini bertanggungjawab mengemaskinikan nisbah-nisbah modal input-output dari semasa ke semasa. Harga-harga nilai yang ditambah juga dianggarkan dalam konteks input-output.

BAHAGIAN OPERASI

Bahagian ini bertanggungjawab kepada aspek pelaksanaan rancangan seperti membahagi sumber-sumber, penilaian projek dan mentadbir bantuan pembangunan. Ia mengandungi

enam seksi atau cawangan iaitu pembangunan pertanian, pembangunan industri, belanjawan dan perkhidmatan sosial, dasar dan pentadbiran, bantuan, infrastruktur dan perkhidmatan teknik.

SEKSI PERTANIAN

Meliputi program-program dan dasar-dasar Kerajaan bagi perhutanan, bahan-bahan pertanian, ternakan dan perikanan, perkhidmatan pertanian, kredit dan pemasaran.

SEKSI PEMBANGUNAN INDUSTRI

Menumpukan perhatian kepada penilaian projek-projek industri yang mana Kerajaan mempunyai hubungan di kedua-dua sektor awam dan swasta. Ianya mengkaji dan menganalisa kemajuan dasar pembangunan industri yang bertujuan untuk memupuk perkembangan yang lebih pesat dalam sektor industri.

SEKSI BELANJAWAN DAN PERKHIDMATAN SOSIAL

Seksi ini mengawasi pembahagian kewangan awam untuk kemudahan-kemudahan awam seperti kesihatan, perumahan, pelajaran, perancang keluarga dan program pemakanan. Seksi ini juga menyediakan dan menyokong untuk kelulusan dasar-dasar, rancangan-rancangan dan program-program belanjawan yang berkehendakkan perbelanjaan pembangunan di sektor awam.

SEKSI PENTADBIRAN BANTUAN DAN DASAR

Seksi ini pula memproses dan menyelaras permohonan-permohonan dari berbagai Kementerian yang berkehendakkan bantuan modal dan teknik dari luar negeri termasuk dari berbagai punca seperti Program Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu, Rancangan Colombo, Bank Dunia, Bank Pembangunan Asia dan bantuan dua hala. Tugasnya ialah untuk menyesuaikan permintaan dan prospek untuk bantuan luar bagi peringkat kebangsaan dan projek. Ia juga bekerja rapat dengan Perbendaharaan dalam mengadakan rundingan-rundingan untuk mendapatkan bantuan luar.

SEKSI PEMBANGUNAN BANDAR/KAWASAN DAN INFRASTRUKTUR

Seksi ini terlibat dalam perancangan dan penilaian program-program dan projek-projek pengangkutan, perhubungan dan kemudahan awam serta menyelaras dan melaksanakan projek-projek pembangunan khas yang besar yang bercorak kawasan dan bandar. Ia bekerja rapat dengan Kementerian Kerjaraya dan Kementerian Perhubungan dalam semua aspek penentuan projek, penyediaan dan pelaksanaan pinjaman-pinjaman projek dan cadangan-cadangan yang berkaitan dengan perhubungan dan pengangkutan. Ianya juga menyelaraskan kegiatan-kegiatan berbagai Badan-badan Berkanun bersabit dengan kajian rancangan bandar dan kawasan, dan mengadakan perkhidmatan kepada perunding-perunding yang terlibat dalam kajian tersebut. Ia juga mengkaji kajian kemungkinan dan mencadangkan tindakan-tindakan seterusnya.

SEKSI PERKHIDMATAN TEKNIK

Seksi ini mengkaji dan mencadangkan untuk kelulusan maklumat-maklumat yang berbentuk kejuruteraan, kos dan maklumat teknik yang lain bagi projek-projek yang besar dan memberi nasihat jika dikehendaki oleh Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara, Jawatankuasa Kecil Anggaran dan juga Jawatankuasa Kecil Piawaian dan Kos. Ia juga mengkaji bersama jawatankuasa projek-projek adhoc serta memperaku hal-hal berkaitan dengan pelan-pelan bangunan yang dikemukakan kepada Jabatan Kerja Raya dan menyemak cadangan-cadangan Juruperunding dari segi kejuruteraan.

Pada tahun 1981, organisasi Unit Perancang Ekonomi masih lagi dibahagikan kepada 2 Bahagian utama, tetapi nama kedua-dua bahagian tersebut telah diubah kepada Bahagian Perancangan Makro dan Perancangan Sektoral.

BAHAGIAN PERANCANGAN MAKRO

Bahagian ini menggubal strategi-strategi dan dasar-dasar untuk pembangunan sosioekonomi negara berasaskan kepada pelunjuran-pelunjuran ekonomi, sumber-sumber yang akan dihasilkan, perubahan yang berlaku dalam ekonomi serta mengambilkira rancangan-rancangan sektor, program-program dan projek-projek di peringkat Pusat, Wilayah dan Negeri. Tumpuan Bahagian ini adalah berkenaan dengan isu-isu ekonomi negara dan matlamat-matlamat pembangunan jangkamasa pendek dan jangkamasa panjang. Bahagian ini juga membuat jangkaan mengenai aspek-aspek pembahagian Dasar Ekonomi Baru dan menentukan matlamat-matlamat dan strategi-strategi untuk dipertimbangkan sebagai dasar.

Aktiviti Bahagian ini tertumpu kepada empat bidang tugas kerja yang utama iaitu Ekonomi Makro, Ekonomi Wilayah, Pembahagian dan sumber-sumber Tenaga Manusia.

BAHAGIAN PERANCANGAN SEKTORAL

Bertanggungjawab untuk merancang pembangunan lima tahun dan rancangan pembangunan tahunan menerusi proses memperuntukkan kewangan kepada berbagai sektor ekonomi sejajar dengan rangka bentuk ekonomi makro, rancangan-rancangan pada keseluruhannya.

Bahagian ini terdiri dari tujuh sektor utama iaitu Pertanian, Perdagangan dan Perindustrian, Perkhidmatan Sosial, Infrastruktur dan Kemudahan-kemudahan Awam, Kajian Pembangunan Bandar, Belanjawan Pembangunan dan Perkhidmatan-perkhidmatan Teknikal.

Selain daripada 2 bahagian yang tersebut di atas, terdapat Seksyen Perkhidmatan Am dan Bantuan Luar, Jawatankuasa Pelaburan Asing dan Panel Ekonomi.

SEKSYEN PERKHIDMATAN AM DAN BANTUAN LUAR

Pada amnya seksyen ini dibahagikan kepada Pentadbiran dan Kewangan, Urusetia Majlis Perancang Negara/Jawatankuasa Anggaran Perbelanjaan bagi Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara/Jawatankuasa-jawatankuasa Pengurusan, Bantuan Luar dan Perkhidmatan Komputer dan Perpustakaan.

JAWATANKUASA PELABURAN ASING

Jawatankuasa ini telah ditubuhkan untuk memproses permohonan-permohonan dari sektor swasta dan pelabur-pelabur asing yang ingin melabur melalui perolehan harta-harta, percantuman atau pengambilan alih perusahaan-perusahaan perniagaan. Jawatankuasa ini membantu dalam pelaksanaan matlamat-matlamat jangka panjang Dasar Ekonomi Baru di mana menjelang 1990, 30 peratus daripada pemilihan saham syarikat-syarikat berhad di Malaysia dimiliki oleh Bumiputera atau kepentingan-kepentingan Bumiputera serta menjalankan penyelidikan dan mengumpulkan perangkaan berkenaan dengan pelaburan swasta dan asing.

PANEL EKONOMI

Panel Ekonomi telah ditubuhkan untuk menimbang, mengkaji, menganalisa dan membuat perakuan-perakuan untuk pertimbangan Majlis Perancang Negara, mengenai semua perkara yang ada kaitan dengan dasar-dasar, isu-isu dan masalah-masalah ekonomi negara. Panel ini membantu di dalam memperolehi penyertaan sektor swasta yang aktif dalam penggubalan dan pelaksanaan dasar ekonomi negara.

MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL AGAMA ISLAM

Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia telah ditubuhkan pada 1 Julai 1969 oleh Majlis Raja-raja sesuai dengan hasrat dan kehendak umat Islam di Malaysia yang ingin melihat tertubuhnya sebuah badan yang bertanggungjawab dalam hal ehwal Agama Islam di peringkat kebangsaan. Langkah ini amat sesuai memandangkan keadaan hari ini di mana segala perbezaan-perbezaan antara Negeri-negeri berhubung dengan pentadbiran Agama Islam haruslah di atasi supaya sesuai dengan kedudukan Agama Islam sebagai agama rasmi seluruh negara. Majlis kurang aktif pada ketika itu disebabkan oleh beberapa kesulit-an yang dihadapi, terutamanya ketiadaan kakitangan dan alat-alat kelengkapan pejabat. Pada akhir tahun 1970, Pejabat Majlis dipindahkan ke Bangunan Dewan Tunku Abdul Rahman, Jalan Ampang, Kuala Lumpur.

Pada 4 Mac 1971, Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj telah meletakkan jawatannya sebagai Pengerusi Majlis dan Majlis Raja-raja pada 12 April 1971 telah melantik Y.A.B. Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein sebagai Pengerusi Majlis yang baru.

Pada 17 Jun 1971, Sabah dan Sarawak diterima menjadi anggota Majlis dan dengan itu nama Majlis ditukar kepada 'Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia'.

Objektif utama penubuhan Majlis ini ialah untuk melihat penyatuan yang lebih rapat dalam pentadbiran Islam di Malaysia, di samping memenuhi cita-cita umat Islam di Malaysia yang sejak beberapa lama berhasrat untuk melihat tertubuhnya sebuah badan Kebangsaan bagi menyelaraskan kerja-kerja, aktiviti-aktiviti dan pentadbiran Agama Islam di Malaysia ini.

Tugas-tugas Majlis adalah terdiri daripada:-

1. Membincang, mempertimbangkan dan melayan segala isu-isu yang dirujuk oleh Persidangan Raja-raja, Kerajaan Negeri atau Majlis Agama Negeri atau mana-mana Ahli Majlis dengan tujuan mendapatkan nasihat dan cadangan-cadangan; dan
2. Memberi nasihat kepada Persidangan Raja-raja, Kerajaan Negeri dan ahli-ahli Majlis mengenai hal-hal yang berkaitan dengan undang-undang, pentadbiran dan Pelajaran Agama Islam bertujuan untuk memperbaiki, menyeragamkan dan menggalakkan keseragaman undang-undang dan pentadbiran Agama Islam.

Anggota-anggota Majlis adalah terdiri dari seorang Pengerusi yang dilantik oleh Majlis Raja-raja daripada nama-nama yang disyorkan oleh Perdana Menteri, seorang wakil dari tiap-tiap negeri yang menganggotai Majlis dan lima orang ahli lain yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Bagi ahli-ahli yang mewakili negeri, mereka dilantik oleh Sultan masing-masing dan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bagi Negeri Melaka dan Pulau Pinang atas sifat Baginda sebagai Ketua Agama di negeri-negeri tersebut. Bagi Negeri-negeri Sabah dan Sarawak, mereka dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan perakuan Tuan Yang

Terutama Yang di-Pertua Negara bagi Negeri Sabah dan Tuan Yang Terutama Gabnor bagi Negeri Sarawak.

Dari segi organisasi, Majlis dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu Bahagian Penyelarasan dan Pentadbiran, Bahagian Dakwah dan Bahagian Penyelidikan.

BAHAGIAN PENYELARASAN DAN PENTADBIRAN

Tugas-tugas Bahagian ini ialah mentadbir peruntukan pembinaan Institusi-institusi Islam; berhubung dengan Majlis-majlis Agama Negeri dan Pejabat-pejabat Agama, mengawasi pentadbiran Masjid Negara dan Masjid Al-Rahman; mengatur penyelarasan Undang-undang Pentadbiran Agama Islam dan Peraturan Mahkamah-mahkamah Syariah dan Negeri-negeri di Malaysia Barat; menyediakan kertas-kertas kerja, agenda-agenda, minit-minit mesyuarat dan Jawatankuasa Fatwa, Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil yang lain serta menjalankan tindakan-tindakan ke atasnya; memproses surat-surat dari Negara-negara Islam yang lain mengenai hal ehwal Agama Islam; mengawasi pentadbiran menghafadz Quran di Masjid Negara; menguruskan perkara-perkara adhoc' seperti pertandingan membaca Quran, Persidangan-persidangan Islam, menentukan awal Ramadhan, Hari Raya Puasa dan Hari Raya Haji dan upacara-upacara mengenai Agama Islam; mengeluarkan sijil akuan ditanggung 'HALAL' kepada perusahaan-perusahaan yang mengeluarkan jenis makanan untuk orang-orang Islam setelah diselidiki dan disahkan oleh pegawai-pegawai dari Majlis ini; mengadakan kursus-kursus untuk kadi-kadi dan mubaligh-mubaligh di negeri-negeri di Malaysia; menubuhkan Pusat Penyelidikan Islam di Masjid Negara; mengadakan kelas mempelajari Al-Quran bagi Dari-qari negeri-negeri di Malaysia dan menapis buku-buku Agama.

BAHAGIAN DAKWAH

Bahagian Dakwah dan Penerangan telah ditubuhkan pada awal tahun 1971 mengikut keputusan Persidangan Majlis yang kedua yang telah diadakan pada 1 Jun 1970. Tugas-tugas Bahagian ini ialah mengadakan kelas-kelas Agama dan syarahan mengenai agama kepada masyarakat; mengadakan kursus latihan bakal-bakal haji; mengadakan kursus Agama kepada Pusat-pusat Latihan dan kakitangan Kerajaan; mengadakan penerangan Agama Islam yang luas dan berkesan dengan cara yang progresif dan dinamik di seluruh negeri-negeri di Malaysia; bekerjasama dengan badan-badan dakwah sukarela untuk tujuan dakwah Islamiah; mengadakan pertunjukan filem bagi memupuk perasaan keagamaan dan sivik untuk kepentingan memelihara moral warganegara yang beragama Islam; menggalakkan kesenian yang berunsur Islam di kalangan muda-mudi untuk menghadapi pengaruh kesenian barat dan mengadakan kursus-kursus tabligh.

BAHAGIAN PENYELIDIKAN

Bahagian Penyelidikan terdiri daripada Pusat Penyelidikan Islam yang telah ditubuhkan sebagai hasil dari Persidangan Islam se-Malaysia yang telah berlangsung pada bulan Mac 1969. Pusat Penyelidikan Islam ini telah diamanahkan dengan tugas yang amat penting yang berpokok kepada kajian dalam segala aspek kehidupan umat Islam di negara ini, dan kemudiannya mengatasi kepincangan dan kelemahan yang berlaku itu dengan penuh kebijaksanaan. Fungsi-fungsi Pusat ini antara lain ialah mengkaji pelbagai masalah yang

timbul dalam masyarakat Islam yang menyentuh soal-soal hukum dan kepercayaan (akidah); menyesuaikan masyarakat yang ada sekarang kepada ajaran Islam yang sebenarnya secara mendedahkan kekarutan; menghalusi penerbitan Agama Islam yang masuk ke negara ini atau dikeluarkan oleh penulis-penulis tempatan dan memperbanyakkan penerbitan agama Islam dalam negara ini; bekerjasama dengan semua badan yang berkenaan dalam menyelidik gerakan ajaran 'agama salah' dan mengatasi masalahnya; mengkaji dan mencegah keruntuhan akhlak di negara ini dan akhir sekali mengkaji kedudukan muallaf dan mengeratkan perhubungan mereka dengan golongan-golongan lain.

Pada tahun 1974, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam dinaikkan taraf menjadi Bahagian Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri dan tertubuhlah Majlis Agama Wilayah Persekutuan pada 1 Februari 1974.

Objektif-objektif Bahagian Agama pada amnya ialah untuk:-

1. Membentuk anggota masyarakat dan kumpulan ummah yang sedar akan tanggungjawab menyuruh membuat kebaikan dan mencegah dari kemungkaran;
2. Memperbaiki, menyama dan menggalakkan persamaan undang-undang dan pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam; dan
3. Mengkaji dan menyelidik masalah semasa yang dihadapi oleh masyarakat Islam di negara ini berdasarkan Islam dan memberikan pandangan dan perakuan bagi mengatasi masalah tersebut.

Bagi memenuhi objektif-objektif ini, Bahagian Agama dibahagikan kepada 4 cawangan yang terdiri daripada Cawangan Pentadbiran; Institiut Dakwah dan Latihan Islam (INDAH), Pusat Penyelidikan Islam dan Urusetia Majlis Kebangsaan.

CAWANGAN PENTADBIRAN

Selain daripada menjalankan tugas-tugas yang berkaitan dengan hal-hal pentadbiran biasa, beberapa projek telah dijalankan oleh Bahagian ini.

INSTITIUT DAKWAH DAN LATIHAN ISLAM (INDAH)

Institiut Dakwah dan Latihan Islam (INDAH) telah ditubuhkan pada tahun 1974. Objektifnya ialah untuk membentuk anggota masyarakat dan kumpulan ummah yang sedar akan tanggungjawab menyuruh berbuat kebaikan dan mencegah dari kemungkaran.

INDAH menjalankan pelbagai bentuk kursus dan penyampaian agama kepada segenap lapisan masyarakat. Antara kursus-kursus tersebut ialah kursus Dakwah, Dakwah Umum, Dakwah Khas, Penerbitan dan Pelajaran Bahasa Arab.

PUSAT PENYELIDIKAN ISLAM

Pusat Penyelidikan Islam telah ditubuhkan pada tahun 1971, hasil dari keputusan Persi-

dangan Islam se-Malaysia dan Persidangan Islam Sedunia yang berlangsung di Kuala Lumpur pada tahun 1969. Pengwujudannya telah dipersetujui oleh Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam.

Objektif Pusat Penyelidikan Islam ialah untuk mengkaji dan menyelidik masalah-masalah semasa yang dihadapi oleh masyarakat Islam negara ini berdasarkan Islam dan memberi pandangan serta perakuan bagi mengatasi masalah tersebut.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Bahagian ini terdiri daripada penerbitan, akidah, pelajaran dan pendidikan, ekonomi, perundangan, kemasyarakatan dan perpustakaan.

UNIT URUSETIA MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL AGAMA ISLAM MALAYSIA

Objektif Unit ini ialah memperbaiki, menyama dan menggalakkan persamaan undang-undang dan pentadbiran hal ehwal Islam yang dikelolakan oleh Unit Urusetia.

MAJLIS KESELAMATAN NEGARA

Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) telah ditubuhkan akibat daripada kekacauan 13 Mei 1969 yang telah menggugat ketenteraman awam dan keselamatan negara. Majlis Gerakan Negara ditubuhkan untuk memulihkan keamanan dan kestabilan negara. Apabila keadaan telah beransur pulih dan Parlimen bersidang semula pada bulan Februari tahun 1971, Majlis Gerakan Negara telah dibubarkan dan Majlis Keselamatan Negara ditubuhkan pada 23 Februari 1971.

Objektif penubuhan Majlis Keselamatan Negara ialah untuk menyelaraskan dasar-dasar yang berkaitan dengan keselamatan negara dan langkah-langkah keselamatan pada keseluruhannya demi mengekalkan kedaulatan, keselamatan dan kemakmuran negara.

Majlis Keselamatan Negara adalah sebuah jawatankuasa yang tertinggi mengenai keselamatan negara yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri dan dianggotai oleh Menteri-menteri serta Pegawai-pegawai dari Perkhidmatan Awam, Tentera dan Polis yang bertanggungjawab terhadap keselamatan negara keseluruhannya. Majlis ini menyelaraskan dasar-dasar yang berkaitan dengan keselamatan negara dan arahan langkah-langkah keselamatan, ketenteraman awam dan perkara-perkara yang melibatkan keselamatan secara langsung.

JABATAN PEMEGANG AMANAH RAYA

Akta Pemegang Amanah Raya 1906 telah dikuatkuasakan pada 1 Januari 1908. Serentak dengan penguatkuasaan Akta tersebut, Pejabat Pemegang Amanah Raya dibuka kepada orang ramai. Pemegang Amanah yang pertama bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu telah dilantik pada 1 Mei 1921.

Tiga soalan yang penting mengenai polisi telah terlibat di dalam pembentukan Pemegang Amanah Raya. Pertama, memegang amanah adalah dianggap sebagai satu obligasi sosial secara sukarela dan tidak sebagai satu perniagaan untuk mendapatkan keuntungan. Soalan yang kedua adalah mengenai penggunaan bantuan iktisas. Adalah menjadi polisi bahawa hubungan iktisas dan perniagaan tidak diganggu sama sekali. Ketiga, undang-undang tidak memberi Pejabat Pemegang Amanah, sebarang kuasa birokrat. Telah diamanahkan bahawa Pejabat Pemegang Amanah Raya perlu mempunyai semua kuasa-kuasa, tugas-tugas dan tanggungan-tanggungan serta mendapat hal-hal kekecualian yang sama, tertakluk kepada kawalan dan arahan Mahkamah.

Dengan itu Pejabat Pemegang Amanah Raya Negeri-negeri Melayu Bersekutu telah ditubuhkan oleh Enakmen Pemegang Amanah, 1920. Mulai September 1954, Pemegang Amanah Raya juga menjadi Pemegang Harta Musuh bagi Persekutuan Malaya.

Pada Hari Merdeka 31 Ogos 1957, Jabatan ini terletak di bawah portfolio Menteri Dalam dan Kehakiman. Kemudian, keputusan diambil untuk menubuhkan Kementerian Kehakiman yang berasingan dan Menteri Kehakiman telah dilantik pada 1 September 1959. Jabatan Kehakiman, Jabatan Peguam Negara dan Jabatan Pemegang Amanah Raya dipindahkan ke portfolio beliau dan dengan itu Jabatan ini terus berada di bawah Kementerian Kehakiman.

Objektif penubuhan Jabatan Pemegang Amanah Raya adalah untuk memberi perkhidmatan pengurusan dan pentadbiran harta pesaka dan pentadbiran amanah, serta mengurus penyimpanan harta musuh supaya tidak disalahgunakan oleh orang-orang yang tidak berhak ke atasnya.

Tugas-tugas Jabatan Pemegang Amanah Raya adalah seperti berikut:-

1. Mentadbir harta-harta pesaka orang-orang mati;
2. Mentadbir amanah-amanah;
3. Menjadi Pemegang Amanah Unit Trust; dan
4. Menjadi Penyimpan Harta Musuh.

PENTADBIRAN HARTA—HARTA PESAKA ORANG—ORANG MATI

Harta pesaka orang-orang mati ditadbirkan di Pejabat-pejabat Cawangan atas nama Pegawai

Pentadbiran Pesaka (yang juga Pemegang Amanah Raya) di bawah peruntukan Akta Probet dan Pentadbiran, 1959 dan Akta Harta Pesaka Kecil (Pembahagian), 1955 di Semenanjung Malaysia. Harta Pesaka orang-orang mati yang ditadbirkan oleh Pegawai Pentadbir Pesaka terdiri daripada tiga jenis utama seperti berikut:-

1. Harta Pesaka biasa di bawah Seksyen 81 dan 82, Akta Probet dan Pentadbiran, 1959;
2. Harta Pesaka yang ditadbirkan secara terus di bawah Seksyen 83 Akta Probet dan Pentadbiran, 1959; dan
3. Harta Pesaka Kecil di bawah Akta Harta Pesaka Kecil (Pembahagian), 1955.

Harta pesaka biasa di bawah Seksyen 81 dan 82 Akta Probet dan Pentadbiran, 1959 melibatkan permohonan-permohonan untuk mendapatkan probet bagi kes-kes berwasiat dan untuk mendapatkan surat pentadbiran bagi kes-kes tak berwasiat. Permohonan-permohonan itu difailkan dalam Mahkamah Tinggi.

Pentadbiran secara terus di bawah Seksyen 83 Akta Probet dan Pentadbiran, 1959, adalah suatu jenis pentadbiran yang khas di mana Pegawai Pentadbir Pesaka diberi kuasa untuk mentadbirkan secara terus harta pesaka mana-mana orang mati.

Harta pesaka kecil ialah harta pesaka seseorang yang telah mati. Permohonan untuk mendapatkan pembahagian dan/atau surat pentadbiran adalah dibuat kepada Pemungut Hasil Tanah.

Di Sabah, pentadbiran harta pesaka orang-orang mati adalah dikawal oleh Ordinan Probet dan Pentadbiran (Bab 109) dan di Negeri Sarawak oleh Ordinan Pentadbiran Harta Pesaka (Bab 80).

PENTADBIRAN AMANAH—AMANAH

Amanah-amanah yang diterima oleh Pemegang Amanah Raya ditadbirkan di Ibu Pejabat di Kuala Lumpur di bawah peruntukan-peruntukan Ordinan Pemegang Amanah Raya, 1950; Ordinan Pemegang Amanah, 1949 dan Akta Pelaburan Pemegang Amanah, 1965. Amanah-amanah itu terdiri daripada:

1. Amanah-amanah yang diwujudkan di bawah seksyen 86 Akta Probet dan Pentadbiran, 1959;
2. Amanah-amanah yang diwujudkan dengan Perintah-perintah Mahkamah di bawah Akta Undang-undang Sivil, 1956;
3. Amanah-amanah yang diwujudkan di bawah Ordinan Pampasan Pekerja, 1952; dan
4. Amanah-amanah yang diwujudkan di bawah surat-surat amanah.

Wang-wang amanah berlebihan yang dipegang oleh Pemegang Amanah Raya dalam masa pentadbiran adalah dilaburkan dalam Kumpulan Wang Bersama Pemegang Amanah Raya yang dikawal oleh sesuatu Lembaga bernama "Lembaga Pelaburan Pemegang Amanah Raya".

Sebagai pemegang amanah bagi Amanah Unit, Jabatan Pemegang Amanah Raya mengadakan kemudahan bagi orang ramai, terutama sekali mereka di kawasan-kawasan luar bandar, mengumpulkan wang mereka dan melaburkannya dalam ekuiti-ekuiti di bawah pengurusan pakar dan dengan risiko yang minima. Selain daripada pertumbuhan modal, pelaburan-pelaburan itu memperolehi bagi mereka suatu pendapatan tetap pada tiap-tiap setengah tahun dan selanjutnya pelaburan-pelaburan itu disalurkan ke dalam perusahaan-perusahaan sama ada bagi memperbesarkan perusahaan-perusahaan baru. Oleh yang demikian, Amanah-amanah Unit membantu mengembangkan ekonomi rakyat dan ekonomi negara.

WASI WASIAT

Pemegang Amanah Raya diberi kuasa oleh undang-undang supaya dilantik sebagai wasi dan pemegang amanah bagi suatu wasiat atau penyelesaian.

Pada awal penubuhannya, organisasi Jabatan ini terdiri daripada Bahagian Akaun, Bahagian Pentadbiran, Bahagian Perjawatan dan Bahagian Guaman.

Di samping itu, Bahagian Real Estate, Pelaburan dan Audit Dalam turut diwujudkan.

Pada tahun 1982, aktiviti Jabatan Pemegang Amanah Raya dibahagi kepada 3 iaitu Pentadbiran Am, Aktiviti Amanah dan Aktiviti Pesaka. Tanggungjawab Pentadbiran Am adalah meliputi hal-hal dasar dan perkara-perkara kewangan, perkhidmatan dan kakitangan di Ibu Pejabat dan Cawangan-cawangan di tiap-tiap negeri. Ia termasuk juga perkhidmatan melayani orang-orang awam dengan menjawab pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan serta memberi nasihat dan bantuan untuk membuat surat rayuan wasiat jika Pemegang Amanah Raya dilantik olehnya sebagai wasiat dan pemegang amanah dan seterusnya menyimpan surat-surat wasiat itu dengan percuma.

JABATAN PEMEGANG HARTA

Jabatan Pemegang Harta dahulunya dikenali sebagai Jabatan Muffis dan selepas itu dikenali sebagai Jabatan Kebankrapan. Pada satu ketika dahulu, Jabatan ini pernah bercantum dengan Pejabat Pentadbiran Harta Pesaka. Tetapi selepas tahun 1966 Jabatan ini telah berpisah daripada jabatan-jabatan lain dan dikenali sebagai Jabatan Pemegang Harta dan Pegawai Penerima.

Jabatan ini diletakkan di bawah Kementerian Undang-undang dan Peguam Negara yang ditubuhkan pada 23 September 1970 mengikut Akta Tugas-tugas Menteri 1969. Kementerian ini kemudiannya dibubarkan dan dengan itu Jabatan ini berserta dengan Jabatan Peguam Negara dan lain-lain Jabatan diletakkan di bawah 'portfolio' Jabatan Perdana Menteri.

Ordinan Kebankrapan (Transitional Provisions) 1946 telah dirangka dan dikuatkuasakan pada 4 Julai 1946 bagi negeri-negeri Melayu seperti Johor, Negeri Sembilan, Selangor, Pahang dan Perak dan kemudiannya diperluaskan ke negeri-negeri Pulau Pinang dan Melaka.

Objektif penubuhan Jabatan Pemegang Harta ialah untuk mengawal rapi dan mentadbir hal ehwal kewangan siberhutang-siberhutang supaya mencegah kelakuan yang boleh disifatkan sebagai jenayah perdagangan dan membantu perkembangan perdagangan dan penanaman modal negara Malaysia.

Tujuan dan fungsi penubuhan Jabatan Kebankrapan ialah untuk :

1. Memegang, mengawal dan mentadbir harta musuh sebelum urusan untuk memusnahkan harta tersebut dibuat selaras dengan syarat-syarat perjanjian keamanan yang ditandatangani;
2. Memelihara dan menjaga harta-harta dan mengembalikan harta-harta tersebut kepada pemilik-pemilik apabila tuntutan ke atas harta-harta tersebut dilakukan; dan
3. Menasihati orang-orang awam yang telah meletakkan harta-harta mereka di bawah jagaan Jabatan ini mengenai peraturan-peraturan yang harus dipatuhi berkaitan dengan pelepasan harta-harta tersebut apabila dikehendaki kelak.

Jabatan ini menjalankan tugas-tugas yang berkaitan dengan pentadbiran harta-harta siberhutang atau sibankrap di bawah Akta Kebankrapan 1967 dan menyelesaikan urusan syarikat-syarikat di bawah Akta Syarikat 1965, dan Pertubuhan-pertubuhan dan Kesatuan Sekerja di bawah Ordinan Kesatuan Sekerja 1959 dan Akta Pertubuhan 1966 dengan tujuan menjaga kepentingan siberhutang dan sipiutang.

Dari segi organisasi pula, Jabatan ini dibahagi kepada 3 Bahagian iaitu Bahagian Pentadbiran Am, Bahagian Pentadbiran Harta-harta Siberhutang atau Sibankrap dan Bahagian

Pembubaran Syarikat, Pertubuhan dan Kesatuan Sekerja.

BAHAGIAN PENTADBIRAN AM

Bahagian ini bertanggungjawab bagi pengurusan semua hal-hal kakitangan dan kewangan, pentadbiran harta-harta siberhutang atau sibankrap, pembubaran syarikat, pertubuhan dan Kesatuan Sekerja. Ini termasuklah perkara-perkara mengenai perjawatan, Skim Perkhidmatan, pertukaran, kenaikan pangkat, tata tertib, polisi, rancangan-rancangan, pelaksanaan projek, rekod-rekod, perangkaan, pendaftaran, menguatkuasakan undang-undang, penyiasatan, pendakwaan dan percaraan, menjaga dan mengawasi penyelesaian-penyelesai di atas pembubaran syarikat, pertubuhan dan kesatuan sekerja. Di samping menjalankan tugas-tugas biasa, pihak pentadbiran am menerima dan memberi nasihat kepada cawangan-cawangan.

BAHAGIAN PENTADBIRAN HARTA-HARTA SIBERHUTANG ATAU SIBANKRAP

Bahagian ini dibahagi kepada 2 Bahagian dan tiap-tiap bahagian itu dipecahkan kepada 3 unit. Bahagian Am dipecahkan kepada Unit-unit Perkhidmatan, Penyiasatan dan Pelaksanaan. Manakala Bahagian Akaun dipecahkan kepada Unit-unit Tuntutan, Dividen dan Akaun.

Tanggungjawab Bahagian ini ialah untuk mengutip dan mendapatkan harta-harta sibankrap dan membahagikan harta itu di antara sipiutang dengan adil dan saksama. Tugas-tugas mengenai pentadbiran harta-harta siberhutang atau sibankrap adalah meliputi tanggungjawab berkanun seperti di bawah ini:

1. Mendapatkan kuasa harta-harta siberhutang harta alih dan harta tak alih;
2. Mengadakan dan mepengerusikan mesyuarat-mesyuarat sipiutang;
3. Menyiasat siberhutang dalam mahkamah di atas tanggungan dan pekerjaan dan mendakwa mereka jika sekiranya perlu;
4. Mengendalikan harta-harta agar menjadi hak milik Pegawai Pemegang Harta dan menguruskan dengan sewajarnya; dan
5. Mengisytiharkan dan membayar dividen-dividen dengan secepat mungkin kepada sipiutang-sipiutang yang telah mengesahkan hutang-hutang mereka selepas membayar hutang-hutang yang diutamakan.

BAHAGIAN PEMBUBARAN SYARIKAT, PERTUBUHAN DAN KESATUAN SEKERJA

Tanggungjawab Bahagian ini ialah mengenai pentadbiran pembubaran syarikat di mana tugas-tugasnya adalah lebih kurang sama seperti tugas-tugas bagi mentadbirkan harta-harta siberhutang atau sibankrap yang tersebut di atas. Khasnya adalah bagi:

1. Mengambil kuasa harta syarikat-syarikat selepas diadakan penyiasatan;

2. Mengurus dan mengendalikan harta-harta;
3. Mengadakan dan mengurus mesyuarat-mesyuarat sipiutang dan si-pencarum (contributors);
4. Menyasat pegawai-pegawai dan syarikat-syarikat di atas tanggungjawabnya dan mendakwa jika didapati bersalah; dan
5. Memaklum dan membayar dividen dengan secepat mungkin kepada sipiutang-sipiutang yang telah mengesahkan hutangnya selepas daripada membayar belanja-belanja pentadbiran dan hutang-hutang yang diutamakan.

Di atas pembubaran Pertubuhan dan Kesatuan Sekerja pula, Pegawai Pemegang Harta mengumpulkan semua hartabenda pertubuhan atau Kesatuan Sekerja itu. Selepas menyelesaikan segala hutang-hutang dan tanggungjawabnya jika ada, bakinya dipulangkan kepada ahli-ahli sebagaimana yang tersebut dalam peraturan-peraturan Pertubuhan dan Kesatuan Sekerja itu atau mengesahkan harta-harta itu mengikut keputusan mahkamah.

Walaupun pembubaran syarikat, pertubuhan dan Kesatuan Sekerja ini dijalankan di semua Cawangan, memandangkan bebankerja yang tidak begitu banyak, perjawatan-perjawatan bagi aktiviti-aktiviti ini adalah lebih jelas di peringkat negeri Selangor sahaja kerana Cawangan Negeri Selangor ini mempunyai perjawatan yang berasingan dalam aktiviti tersebut.

Pada tahun 1982, dari segi organisasi, Jabatan ini masih dibahagikan kepada 3 Bahagian. Terdapat sedikit pertukaran sahaja dari segi nama bahagian-bahagian tersebut. Bahagian-bahagian ini terdiri daripada Bahagian Pentadbiran, Bahagian Pentadbiran Kebankrapan dan Bahagian Penggulangan Syarikat, Pertubuhan dan Kesatuan Sekerja. Fungsi bahagian ini tidak berubah.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

Malayan Establishment Office diwujudkan dengan tujuan untuk melicinkan pentadbiran dari segi mengawal pembahagian kakitangan dari luar untuk berkhidmat dalam negeri-negeri di Malaya. Sebelum wujudnya *Malayan Establishment Office* terdapat dua jenis pentadbiran di Malaya iaitu Negeri-negeri Selat (Singapura, Pulau Pinang, Melaka dan Labuan) dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Perak, Pahang, Selangor dan Negeri Sembilan).

Dengan bertambahnya perkhidmatan orang-orang Eropah dan penubuhan *Malayan Services* seperti Perkhidmatan Awam Malaya dan Perkhidmatan-perkhidmatan Pelajaran, Perhutanan, Polis, Telegraf dan Perubatan, maka timbullah keperluan untuk membentuk satu pentadbiran pusat. Justeru itu, dalam tahun 1934, Perjanjian untuk pembentukan *Malayan Establishment* telah ditandatangani oleh Kerajaan-kerajaan berkenaan. Dengan perjanjian ini, maka tertubuhlah *Malayan Establishment Office* di Singapura. Tugas-tugas *Malayan Establishment Office* antara lain ialah mengendalikan perubahan-perubahan dalam peraturan-peraturan dan syarat-syarat perkhidmatan serta rayuan-rayuan yang berkaitan. Tugas-tugas lain termasuklah menguruskan pengambilan pegawai-pegawai polis untuk jawatan-jawatan yang tidak terdapat di *Malayan Establishment*, menguruskan persediaan perjalanan laut untuk pegawai-pegawai yang akan bercuti, menyediakan kemudahan tempat tinggal dan menguruskan surat-menyurat bagi pendaftaran fail serta rekod-rekod perkhidmatan.

Malayan Establishment Office telah dibubarkan dalam tahun 1954 dan digantikan dengan *Federation Establishment Office* pada 1 Julai 1954. *Federation Establishment Office* merupakan cantuman dari Cawangan Perkhidmatan, Pejabat Ketua Setiausaha dan Bahagian Perjawatan, Jabatan Perangkaan. Pejabat ini diletakkan di bawah *Chief Secretary of Federation* (Ketua Setiausaha Persekutuan). Pejabat ini mengawal perkhidmatan awam dalam hal-hal skim dan syarat-syarat perkhidmatan, tanggagaji, perjawatan, organisasi kementerian-kementerian, jabatan-jabatan, latihan dan pembangunan kerjaya, hal-hal perkhidmatan, persaraan dan pencen. Mulai daripada 1 Julai 1967, *Federation Establishment Office* juga bertanggungjawab di dalam hal-hal kenaikan pangkat dan disiplin. Pada tahun 1967, nama *Federation Establishment Office* ditukar menjadi *Establishment Office Malaysia*.

Struktur organisasi *Establishment Office Malaysia* terdiri daripada Bahagian Perjawatan, Bahagian Gaji dan Elaun, Bahagian Perkhidmatan dan Bahagian Latihan dan Pembangunan Kerjaya. Bahagian Latihan dan Pembangunan Kerjaya dibahagi kepada cawangan-cawangan seperti berikut:-

1. Cawangan Biasiswa
2. Perancangan dan Rujukan
3. Operasi Latihan
4. Pusat Latihan Kakitangan

Tugas-tugas yang dijalankan oleh *Establishment Office Malaysia* adalah berkaitan dengan perjawatan, perkhidmatan, kenaikan pangkat dan disiplin, pencen, hal-hal berkaitan dengan Whitley Council, Pusat Latihan Kakitangan, Perjawatan Sabah dan Sarawak dan tugas-tugas khas.

Pada 15 Ogos 1968, *Establishment Office Malaysia* ditukarkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam dan nama ini kekal sehingga sekarang. Jabatan ini ditempatkan di bawah Jabatan Perdana Menteri sehingga sekarang.

Objektif Jabatan Perkhidmatan Awam ialah untuk merancang dan melaksanakan dasar personnel bagi menentukan bahawa perkhidmatan awam mempunyai kakitangan yang cekap, dedikasi dan terlatih untuk memikul tanggungjawab melaksanakan segala dasar dan matlamat negara bagi memberikan kebahagiaan dan kesejahteraan hidup rakyat Malaysia seluruhnya.

Fungsi Jabatan Perkhidmatan Awam pada mula ia ditubuhkan adalah seperti berikut:—

1. Mengawal penempatan dan pertukaran pegawai-pegawai dalam perkhidmatan Gunasama, Pentadbiran, Eksekutif dan Perkeranian;
2. Menjalankan pengawalan ke atas syarat-syarat dan peraturan-peraturan perkhidmatan Pegawai-pegawai Kerajaan dan perjawatan dan mengelakan jawatan-jawatan di dalam Jabatan-jabatan Persekutuan dan Negeri;
3. Memenuhi keperluan bagi kakitangan terlatih dalam perkhidmatan awam dengan memberikan biasiswa dan kursus-kursus latihan di Malaysia dan luar negeri;
4. Mentadbir beberapa undang-undang pencen yang mempengaruhi pemberian pencen dan lain-lain kemudahan kematian dan persaraan;
5. Untuk merumus polisi-polisi dan menentukan prinsip-prinsip dan peraturan-peraturan berkaitan dengan skim gaji dan elaun-elaun untuk semua ahli perkhidmatan awam; dan
6. Mengendalikan hal-hal kenaikan pangkat di dalam Perkhidmatan Gunasama dan untuk memproses semua kes-kes disiplin di bawah Perintah Am sebagaimana yang terdapat di bawah Undang-undang Lembaga Disiplin Perkhidmatan Awam 1967 dan Undang-undang Lembaga Naik Pangkat Perkhidmatan Awam akibat pemindahan kuasa-kuasa kenaikan pangkat dan disiplin daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam kepada Ketua-ketua Jabatan.

Di awal penubuhannya, Jabatan Perkhidmatan Awam dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu Bahagian Gaji dan Elaun; Bahagian Perjawatan termasuk Cawangan Anggaran, Cawangan Skim Perkhidmatan dan Cawangan Analisa Pengurusan dan Naziran; dan Bahagian Perkhidmatan yang dibahagikan kepada 4 cawangan iaitu Cawangan Kenaikan Pangkat dan Disiplin, Cawangan Pencen, Cawangan Perkhidmatan Gunasama dan Cawangan Perkhidmatan-perkhidmatan yang lain.

BAHAGIAN GAJI DAN ELAUN

Di antara tanggungjawab Bahagian ini ialah pelaksanaan Suruhanjaya Gaji Suffian, mengulangkaji gaji jurutera-jurutera, arkitek, juruukur, pembantu makmal, merancang Skim Hakmilik Rumah untuk kakitangan Kerajaan, menimbang permohonan-permohonan untuk cuti istimewa (priviledge leave), pembentukan Lembaga Perubatan, pembayaran beberapa elaun dan perkara-perkara yang berkaitan.

BAHAGIAN PERJAWATAN

Bahagian ini mengendalikan ulangkaji perjawatan, penyusunan semula dan mengulangkaji anggaran beberapa Kementerian dan Jabatan-jabatan di peringkat Persekutuan dan Negeri, serta menimbang dan meluluskan draf iklan dan merumuskan skim-skim perkhidmatan.

BAHAGIAN PERKHIDMATAN

Bahagian ini pula bertanggungjawab mengenai kenaikan pangkat, rayuan, disiplin, menyemak dan mengemaskini laporan sulit tahunan, pencen, pampasan pekerjaan, pengambilan, penempatan, pertukaran dan pinjaman.

Dalam tahun 1975, organisasi Jabatan Perkhidmatan Awam diubah dan dibahagikan kepada 4 bahagian iaitu Bahagian Gaji dan Elaun, Bahagian Pencen, Bahagian Latihan dan Kemajuan Kerjaya dan Bahagian Perjawatan.

BAHAGIAN GAJI DAN ELAUN

Bertanggungjawab ke atas penggubalan dan pelaksanaan polisi-polisi berhubung dengan gaji, elaun dan keperluan-keperluan semua pekerja dan sektor awam termasuk pekerja-pekerja dalam Badan-badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan. Objektif utama Bahagian ini adalah untuk memastikan pekerja-pekerja awam mendapat bayaran gaji yang seimbang dengan tugas mereka yang kelak akan mengwujudkan satu Perkhidmatan Awam yang berdedikasi.

BAHAGIAN PENCEN

Tanggungjawab Bahagian ini ialah mentadbir undang-undang pemberian pencen ganjaran dan elaun-elaun persaraan. Bahagian ini juga adalah selaku Penasihat bagi perkara yang menyentuh faedah persaraan anggota tentera.

BAHAGIAN LATIHAN DAN KEMAJUAN KERJAYA

Bahagian ini bertanggungjawab merancang, mengelola dan mengawal latihan dalam perkhidmatan Kerajaan, sesuai dengan keperluan tenaga terlatih negara amnya dan pencapaian mutu kerja yang tinggi di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat melalui pemberian biasiswa dan hadiah latihan dalam bidang-bidang yang tertentu. Bahagian ini juga membantu Badan-badan Kerajaan mentafsirkan keperluan tenaga rakyat dalam perkhidmatan Kerajaan, berusaha mendapatkan kakitangan yang berkelayakan terutamanya dalam bidang-bidang profesional, di samping membantu Jabatan-jabatan Kerajaan menjalani latihan-latihan dalam perkhidmatan setaraf dengan kemajuan kerjaya pegawai-pegawai.

BAHAGIAN PERJAWATAN

Bahagian ini menentukan kepegawaian dan sistem pengurusan yang sesuai untuk menjalani aktiviti sektor awam dengan cara menentukan jenis, peringkat dan bidang jawatan-jawatan yang diperlukan dalam Perkhidmatan Awam, menjalankan kajian mengenai organisasi, sistem tatacara ke atas badan-badan Kerajaan untuk memperbaiki dan meninggikan kecekapan, mewujudkan dan mengkaji semula skim-skim Perkhidmatan Sukatan-sukatan Peperiksaan, menentukan syarat-syarat penyerapan, kontrak dan penyatuan dalam perkhidmatan awam serta menyelesaikan masalah-masalah yang berkaitan dan menilai serta mengiktiraf kelayakan-kelayakan bagi keperluan lantikan ke Perkhidmatan Awam.

Bahagian Perjawatan dibahagi kepada 4 cawangan:-

1. *Cawangan Anggaran dan Naziran* menjalankan kerja memproses dan menimbang permohonan bagi mendapatkan jawatan-jawatan oleh Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan dan memproses laporan-laporan mengenai cadangan-cadangan untuk menyusun semula Badan-badan Kerajaan;
2. *Cawangan Analisa Pengurusan* memberi khidmat analisa pengurusan kepada Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan Persekutuan dan Badan-badan Berkanun;
3. *Cawangan Skim Perkhidmatan* dibahagikan kepada 3 unit berikut:-
 - 3.1. Unit Penggubalan Skim-skim yang menentukan dasar-dasar berhubung dengan aspek Skim Perkhidmatan;
 - 3.2. Unit Masalah Skim menentukan supaya iklan-iklan jawatan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa mengikut syarat-syarat yang ditentukan dalam Skim Perkhidmatan yang berkenaan, menentukan syarat-syarat perkhidmatan bagi pegawai-pegawai yang dilantik secara kontrak dan menentukan syarat-syarat penyerapan ke dalam jawatan tetap sama ada dalam perkhidmatan Kerajaan ataupun Badan-badan Berkanun; dan
 - 3.3. Unit Sekatan Peperiksaan menggubal dan mengemaskini sukatan peperik-

saan perkhidmatan bagi semua kementerian dan jabatan.

4. *Cawangan Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan* menyediakan perkhidmatan sebagai Urusetia kepada Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan kelayakan.

Jabatan Perkhidmatan Awam terus berkembang dengan pesatnya. Kini, dari segi organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam dibahagi kepada 8 bahagian iaitu Bahagian-bahagian Pentadbiran, Urusan Gaji dan Elaun, Perjawatan, Perkhidmatan Latihan dan Kemajuan Kerjaya, Pencen dan Perundingan.

BAHAGIAN PENTADBIRAN

Objektif bahagian ini ialah memberi perkhidmatan pentadbiran am dan bantuan logistik kepada semua aktiviti di Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mencapai matlamat dengan jayanya. Bahagian ini bertanggungjawab mengenai pentadbiran am, pengurusan kakitangan, pentadbiran kewangan, penerangan dan dokumentasi dan perkhidmatan kebajikan. Bahagian ini juga menjadi Urusetia Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-anggota Kerajaan Wilayah Persekutuan.

BAHAGIAN URUSAN GAJI DAN ELAUN

Bertanggungjawab memproses semua kepincangan dan masalah yang timbul akibat dari pelaksanaan dasar gaji, elaun dan kemudahan dalam sektor awam termasuk mengkaji dan menyemak tanggagaji dan syarat-syarat perkhidmatan bagi kakitangan ambilan tempatan diperwakilan di seberang laut.

BAHAGIAN PERJAWATAN

Bahagian ini dibahagi kepada 2 cawangan iaitu:-

1. Cawangan Anggaran yang memproses permohonan-permohonan untuk jawatan-jawatan baru dari kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan; dan
2. Cawangan Skim Perkhidmatan bertanggungjawab bagi semua aspek Skim Perkhidmatan dan peraturan-peraturan serta syarat-syarat perkhidmatan. Cawangan ini juga bertanggungjawab terhadap rumusan sukatan pelajaran peperiksaan dan menjadi Urusetia Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan-kelayakan.

BAHAGIAN PERKHIDMATAN

Bahagian ini menyediakan kakitangan perkhidmatan gunasama yang cukup, cekap dan berdedikasi di samping mewujudkan perkhidmatan awam yang cemerlang melalui satu sistem kakitangan yang maju dan dinamis. Bahagian ini juga bertanggungjawab melaksanakan polisi dan dasar perkhidmatan, Sekretariat kepada semua peperiksaan perkhidmatan di bawah Perkhidmatan Gunasama, menguruskan peperiksaan perkhidmatan yang di luar

perkhidmatan Gunasama dan membantu Jawatankuasa yang mengkaji Sukatan-sukatan peperiksaan tersebut. Pusat ini telah ditubuhkan dalam tahun 1977 untuk mengwujudkan satu sistem menyimpan rekod kakitangan dalam perkhidmatan sektor awam.

BAHAGIAN LATIHAN DAN KEMAJUAN KERJAYA

Tanggungjawab Bahagian ini ialah mengadakan dasar latihan dan menyelaraskan usaha-usaha latihan Kementerian/Jabatan. Ia juga bertanggungjawab menyelaraskan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh Badan-badan penganjur untuk latihan sebelum Perkhidmatan, dan membuat kajian-kajian yang bertujuan mengemaskini dasar-dasar pelaksanaan rancangan-rancangan latihan Kerajaan dari semasa ke semasa. Tanggungjawab seterusnya ialah membekal dengan cukup tenaga pelatih dalam berbagai bidang, termasuk bidang profesional dan pentadbiran bagi perkhidmatan Kerajaan.

BAHAGIAN PENCEN

Bahagian ini bertanggungjawab membuat kajian terus menerus ke atas sistem pengurusan, meneliti, mengawasi dan menyelaraskan aktiviti di semua peringkat (agensi) mengenai penyediaan kertas pencen, mengemaskini sistem perakaunan, menguruskan sistem maklumat, 'data base computer' dan menganjurkan latihan kepada kakitangan-kakitangan yang menguruskan kertas pencen di jabatan-jabatan.

BAHAGIAN PERUNDINGAN

Bahagian ini menyelidik dan menyelesaikan tuntutan-tuntutan anomali mengenai saraan dan hak-hak serta syarat-syarat perkhidmatan berbangkit dari pelaksanaan syor-syor Suruhanjaya Suffian, Aziz, Harun dan Jawatankuasa Kabinet, menurut Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977 (Akta 186). Aktiviti Bahagian ini dibahagi kepada dua bidang iaitu Bidang Awam dan Bidang Berkanun yang bertanggungjawab untuk mengadakan perundingan mempertahankan pendirian Kerajaan dalam perbicaraan Tribunal Perkhidmatan Awam, memberi penerangan/penjelasan mengenai cara penyelesaian anomali dan mengadakan dialog/seminar bagi menerangkan peruntukan-peruntukan serta pelaksanaan Akta 186.

Pejabat-pejabat Perjawatan Persekutuan Sabah dan Sarawak ditubuhkan sebagai Cawangan bagi Jabatan Perkhidmatan Awam. Pejabat-pejabat ini bertanggungjawab bagi mengawasi atau mengawal syarat-syarat dan peraturan perkhidmatan bagi Pegawai Kerajaan atau Badan-badan Berkanun di Sabah dan Sarawak, menggedkan semua jawatan-jawatan dalam Bahagian II ke bawah di Jabatan-jabatan Negeri, mengwujudkan hubungan rapat dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan mengenai pengambilan, kenaikan pangkat, lantikan memangku menjalankan tugas dan tatatertib, mentadbirkan undang-undang pencen, menguruskan pembayaran pencen dan faedah-faedah persaraan yang lain, menguruskan Peperiksaan Kerajaan, mewakili Kerajaan Persekutuan dalam Jawatankuasa Biasiswa, dan mengawasi latihan dan kerjaya pegawai-pegawai dalam Jabatan-jabatan Persekutuan serta menghubungi Kerajaan Negeri untuk melaksanakan Biasiswa-biasiswa Kerajaan dan hadiah-hadiah latihan termasuk Biasiswa Rancangan Colombo.

INSTITIUT TADBIRAN AWAM NEGARA

Program latihan dalam negeri untuk Pegawai-pegawai Tadbir telah bermula semenjak sebelum merdeka lagi. Siri latihan yang pertama telah diadakan dalam tahun 1951 semasa darurat berada di kemuncaknya. Objektif utama kursus-kursus tersebut diadakan ialah untuk melengkapkan pegawai-pegawai dalam menghadapi masalah pada masa itu.

Kejayaan program yang pertama telah memberangsangkan Kerajaan pada masa itu untuk menubuhkan sebuah pusat latihan yang tetap, khusus untuk menyediakan peluang latihan kepada semua kakitangan dan Pegawai Kerajaan dalam bidang masing-masing. Malangnya, cadangan ini telah terpaksa ditangguhkan kerana masalah kewangan.

Cadangan yang sama dibangkitkan semula dalam tahun 1955. Sebagai percubaan satu kursus mengenai Pentadbiran Tanah telah diadakan dalam tahun 1959 bertempat di Maktab Polis Diraja Kuala Kubu, Selangor. Rancangan ini juga terbengkalai kerana kemudahan di Maktab tersebut tidak lagi boleh digunakan untuk kursus-kursus seperti itu. Dalam bulan September 1959, Kerajaan telah berjaya mendapatkan sebuah bangunan di Port Dickson untuk dijadikan pusat latihan yang lengkap dengan kemudahan penginapan.

Dalam bulan Jun, 1963 pusat latihan ini telah dipindahkan ke kampus baru di Petaling Jaya yang dikenali sebagai Pusat Latihan Pegawai. Pusat ini dibuka dengan rasminya pada 19 September 1963. Dengan tertubuhnya pusat ini, Pusat Latihan Perkeranian di Kuala Lumpur yang ditubuhkan dalam tahun 1953 dan cawangan-cawangannya di beberapa negeri telah disatukan dan diletakkan di bawah kampus di Petaling Jaya.

Dalam tahun 1969 satu laporan yang bertajuk Latihan Untuk Pembangunan Di Malaysia Barat (Training for Development in West Malaysia) yang telah disediakan oleh Unit Pentadbiran Pembangunan (DAU) dan Pusat Latihan Pegawai telah menggariskan beberapa peranan dan tanggungjawab yang baru yang patut dimainkan oleh Pusat Latihan tersebut. Sebahagian besar perakuan-perakuan yang dikemukakan dalam laporan itu telah diterima dan dilaksanakan oleh Kerajaan. Satu daripadanya ialah cadangan menukar nama pusat tersebut kepada 'National Institute of Development Administration' (NIDA) dalam tahun 1969. Satu Jawatankuasa khas NIDA telah diwujudkan untuk mengkaji penubuhan NIDA sebagai sebuah Institusi Latihan. Nama tersebut ditukar kepada Institut Tadbiran Awam Negara atau INTAN dan telah dirasmikan pada 1 September 1972 oleh Allahyarham Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein, Perdana Menteri Malaysia pada masa itu.

Sebagaimana yang dicadangkan di dalam laporan 'Latihan Untuk Pembangunan di Malaysia Barat' 1969, Institiut Tadbiran Awam Negara hendaklah lebih merupakan agensi yang berorientasikan pembangunan iaitu selain daripada menjalankan latihan mengenai masalah pengurusan agensi-agensi atau Jabatan-jabatan Kerajaan. Ia juga dikehendaki berperanan sebagai agen perubahan pembangunan untuk memastikan idea-idea yang progresif menjadi kenyataan. Institiut Tadbiran Awam Negara juga dipertanggungjawab untuk menjalankan tugas sebagai penyalur rancangan-rancangan serta dasar Kerajaan kepada mereka yang berkenaan demi kejayaan rancangan-rancangan dan dasar-dasar tersebut.

Objektif-objektif Institiut Tadbiran Awam Negara ialah:-

1. Untuk meninggikan keupayaan bertindak bagi agensi di peringkat Persekutuan, Negeri, Tempatan dan Perbadanan-perbadanan Awam dalam membangun dan melaksanakan dasar-dasar negara serta rancangan-rancangan pembangunan;
2. Membangunkan Perkhidmatan Awam di Malaysia supaya sentiasa progresif, berdedikasi, mempunyai dorongan dan tanggungjawab dalam menjalankan peranan sebagai agen perubahan yang utama dalam masyarakat yang berbilang bangsa di negara ini;
3. Memajukan kefahaman yang lebih mendalam di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan tentang peranan mereka dalam masyarakat Malaysia dan implikasi tindakan-tindakan Kerajaan keseluruhannya ke atas sistem politik dan sosio-ekonomi negara ini;
4. Membaiki dan meninggikan pengetahuan dan kemahiran pegawai-pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas dalam Perkhidmatan Awam tentang proses-proses perancangan-perancangan dan pelaksanaan rancangan-rancangan Lima Tahun Negara serta pengurusan projek-projek pembangunan;
5. Membaiki dan meninggikan keupayaan Pegawai-pegawai Kerajaan yang diamanahkan untuk mengawasi dan memajukan kepentingan-kepentingan dan imej negara dalam hubungan antarabangsa di bidang ekonomi dan lain-lain; dan
6. Mengwujudkan kerjasama antarabangsa dalam bidang kemajuan pentadbiran pembangunan secara hubungan institusi-institusi latihan, pendidikan dan institusi-institusi serta badan-badan antarabangsa yang lain.

Latihan yang dikendalikan oleh Institiut Tadbiran Awam Negara dapat dilihat dalam dua perspektif:-

1. Sebagai penyelesaian kepada masalah-masalah dalaman (internal) dalam pengurusan organisasi/Jabatan-jabatan yang sentiasa perlu ditingkatkan kecekapan dan kekesan sistem pengurusanannya; dan
2. Untuk menyelesaikan masalah-masalah luaran (external) untuk membolehkan Jabatan-jabatan/organisasi-organisasi memahami dengan lebih mendalam keadaan sekelilingnya dan kesan pelaksanaan dasar-dasar awam ke atas keadaan sekitarnya.

Dalam tahun 1972, Institiut Tadbiran Awam Negara telah disusun mengikut 4 Jabatan iaitu Jabatan Pengajian Pengurusan, Jabatan Pengajian Pembangunan, Pusat Kemajuan Pegawai dan Jabatan Penyelidikan dan Perundingan. Jabatan Pengajian Pengurusan bertanggungjawab memperkukuhkan serta melicinkan perjalanan sistem-sistem dalam organisasi dengan membekalkan kemahiran dan teknik-teknik pentadbiran moden serta proses pengurusan secara saintifik. Jabatan Pengajian Pembangunan pula bertanggungjawab dalam pengelolaan kursus yang berdasarkan program dan polisi, manakala Pusat Kemajuan Pegawai bertanggungjawab melatih pegawai dalam Kumpulan Perkeranian dan Teknik dan Kumpulan Kerja dan Separa Ikhtisas bagi meninggikan kecekapan dan kemampuan mereka untuk melicinkan perjalanan sistem dan program yang tersebut di atas. Pusat ini juga mengendalikan kursus-kursus Bahasa Peranchis, Arab, Jepun, Mandarin, Hokkien dan Kantonis. Usaha Institiut Tadbiran Awam Negara juga ditumpukan kepada usaha meninggikan keupayaan Jabatan-jabatan secara langsung dengan memberikan perkhidmatan perundingan. Usaha kajian dan perundingan ini dijalankan oleh Jabatan Penyelidikan dan Perundingan.

Organisasi Institiut Tadbiran Awam Negara telah disusun semula dalam tahun 1976 dan mengandungi Bahagian-bahagian Biro Perundingan dan Penyelidikan; Pusat Pembangunan Pengurusan; Pusat Pentadbiran dan Dasar Pembangunan; Pusat Kemajuan Pegawai dan Pusat Kerajaan Tempatan dan Pembangunan Bandaran.

Selepas penyusunan semula ini, sebuah pusat baru iaitu Pusat Hal Ehwal Antarabangsa dan Kajian Strategi telah diwujudkan iaitu pada bulan Januari 1978.

Dalam tahun 1979, dari segi organisasi INTAN dibahagi kepada 6 Bahagian iaitu Pusat Pembangunan Pengurusan, Pusat Pembangunan Polisi dan Pentadbiran; Pusat Kerajaan Tempatan; Pusat Pentadbiran Bandaran dan Wilayah; Pusat Hubungan Antarabangsa dan Pengajian Strategi dan Pusat Kemajuan Kakitangan dan Biro Penyelidikan dan Perancangan.

PUSAT PEMBANGUNAN PENGURUSAN

Pusat ini bertanggungjawab untuk menyediakan program-program latihan untuk meninggikan kecekapan organisasi Jabatan-jabatan Kerajaan dan meninggikan hasil kerja kakitangan mereka. Program-program latihan adalah dalam bidang kewangan, kakitangan, pembangunan organisasi, pembangunan pengurusan, komputer, sains pengurusan dan analisa sistem.

PUSAT PEMBANGUNAN POLISI DAN PENTADBIRAN

Menjalankan program-program latihan untuk menyelesaikan masalah-masalah pengurusan luaran di dalam melaksanakan Rancangan-rancangan Pembangunan 5 Tahun dengan meninggikan kebolehan dan keupayaan Jabatan-jabatan dan kakitangan Kerajaan di dalam bidang-bidang perancangan, pentadbiran, pertanian, pentadbiran tanah, Kerajaan Tempatan dan pembangunan bandaran, pentadbiran pembangunan luar bandar dan pembangunan industri.

PUSAT KERAJAAN TEMPATAN, PENTADBIRAN BANDARAN DAN WILAYAH

Pusat ini menjalankan program-program latihan dalam bidang Kerajaan Tempatan, pembangunan bandaran, perumahan, pembangunan Wilayah dan lain-lain.

PUSAT HUBUNGAN ANTARABANGSA DAN PENGAJIAN STRATEGI

Tanggungjawab pusat ini ialah menjalankan program-program latihan dalam hubungan antarabangsa, kerjasama ekonomi wilayah, keselamatan wilayah, perdagangan antarabangsa dan peranan perbandanan 'trans-national'.

PUSAT PEMBANGUNAN KAKITANGAN

Bertanggungjawab untuk membangunkan dan mewujudkan satu cadre kakitangan penyelia di seluruh agensi-agensi Kerajaan. Kursus-kursus yang dijalankan adalah mengenai penyeliaan, perkeranian dan pengurusan pejabat serta bahasa.

BIRO PENYELIDIKAN DAN PERANCANGAN

Biro ini bertanggungjawab terhadap penyelidikan untuk membolehkan Instituti Tadbiran Awam Negara merumus polisi-polisi latihan dan rancangan-rancangan yang sesuai dan selaras dengan objektif-objektif Instituti Tadbiran Awam Negara.

JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN RUKUN TETANGGA

Jabatan ini ditubuhkan pada tahun 1969 dan bertanggungjawab terus kepada Pengarah Operasi. Pada bulan September 1970, Jabatan ini menjadi sebahagian dari Jabatan Perdana Menteri dan diletakkan di bawah pengawasan Menteri Dengan Tugas-tugas Khas, Y.B. Tan Sri Mohamed Ghazali Shafie.

Tujuan penubuhan Jabatan ini ialah untuk menyemai perasaan perpaduan, kerjasama dan cintakan negara di kalangan berbagai kaum dan masyarakat yang bersatupadu; membina perasaan yakin dan percaya terhadap Kerajaan di kalangan rakyat, mengeratkan kerjasama antara rakyat dengan Kerajaan, dan melibatkan rakyat dalam membantu menjaga keselamatan dan ketenteraman negara dalam usaha mencapai matlamat negara iaitu keselamatan dan perpaduan.

Dari segi pentadbiran, Jabatan Perpaduan Negara di peringkat awal penubuhannya telah dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu Bahagian Penyelidikan untuk menggalakkan persefahaman dan kerjasama yang lebih erat di kalangan masyarakat berbilang kaum tetapi juga untuk memupuk perasaan setia kepada Raja dan Negara.

Antara rancangan-rancangan yang dijalankan ialah:-

1. Rancangan Perhubungan Masyarakat

Rancangan ini bertujuan untuk menyatupadukan masyarakat dalam kawasan bandar yang terdiri daripada berbilang kaum. Pada mulanya, Rancangan Perhubungan Masyarakat dilancarkan di Wilayah Persekutuan, Seremban, Teluk Anson, Pulau Pinang, Kulim, Batu Pahat, Kluang dan Miri. Kegiatan di bawah rancangan ini adalah dalam bidang pelajaran, rekreasi, kesihatan dan perumahan.

2. Jawatankuasa Muhibah Negeri/Daerah/Kawasan

Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menyelaraskan segala aktiviti Jawatankuasa-jawatankuasa Muhibah di peringkat Daerah dan Negara.

3. Rancangan Kelas Perpaduan Rakyat

Rancangan Kelas Perpaduan Rakyat bertujuan melahirkan rakyat yang bertanggungjawab yang akan dapat menyumbangkan tenaga mereka terhadap pembangunan negara. Untuk mencapai matlamat ini, Kelas Perpaduan Rakyat dibuka di setiap negeri kecuali Sabah di mana pelajar-pelajarnya diberi pengajaran Bahasa Malaysia, Sivik dan kewarganegaraan. Peserta-peserta kelas ini terdiri daripada orang-orang yang berumur 15 tahun ke atas.

Di samping pengajaran di kelas-kelas, kegiatan luar juga dijalankan seperti Kuiz Perpaduan, Bahasa Kita (Dialog), Pesta Kelas Perpaduan Rakyat (khemahkerja), Pesta Sukan Kanak-kanak/Pesta Kanak-kanak 1974, pertukaran lawatan Muhibah Hari-hari Perayaan Pameran

'Raja Kita' dan Rancangan Pertukaran Penuntut.

Bahagian Penyelidikan pula menjalankan kajian-kajian dan penyelidikan yang perlu mengenai perhubungan kaum. Antara kajian-kajian yang telah dijalankan termasuklah:-

1. Kajian Sosioekonomi Masyarakat Nelayan di Terengganu;
2. Perhubungan Kaum antara Pekerja-pekerja Perusahaan di Petaling Jaya, Bayan Lepas dan Mak Mandin;
3. Kajian Sosioekonomi Kampung-kampung Baru di Perak dan Melaka;
4. Kajian tiga kaum setingan di Kuala Lumpur; dan
5. Kertas-kertas Asal untuk penubuhan projek-projek Perhubungan Masyarakat.

Di samping aktiviti-aktiviti yang disebutkan di atas, Bahagian ini juga menjalankan aktiviti-aktiviti berikut:-

1. Membuat laporan dan cadangan kepada pihak yang berkenaan berasaskan kepada hasil kajian dan penyelidikan tersebut;
2. Memproses dan mengawasi penyelidik-penyelidik asing yang datang membuat penyelidikan secara individu atau pun rombongan. Ini termasuk juga penyelidik-penyelidik tempatan;
3. Merancang dan menjalankan mesyuarat mengenai Perpaduan Negara dari semasa ke semasa dengan beberapa kumpulan ikhtisas dan lapisan rakyat yang tertentu untuk mendapatkan maklumbalas bagi tindakan Kerajaan;
4. Merancang dan menyediakan secara bersiri buku-buku kecil mengenai resam muhibah kaum-kaum serta budaya mereka; dan hal-hal kewarganegaraan untuk mengukuhkan persefahaman di antara kaum dan melahirkan warga-negara yang cintakan negara;
5. Menyusun dan menerbitkan dua pengeluaran setahun majalah Lembaga Perpaduan Negara, *NEGARA*. Ini adalah sebagai pentas untuk membincangkan masalah-masalah sosial dalam dan luar negeri; dan
6. Memberi ceramah mengenai dasar-dasar Kerajaan dalam konteks perpaduan negara kepada pertubuhan-pertubuhan, institusi-institusi Kerajaan dan pihak swasta.

Jabatan Perpaduan Negara terus menjalankan kajian-kajian dan penyelidikan dalam bidang sosioekonomi, pelajaran dan kebudayaan kerana ternyata bahawa masalah-masalah dalam bidang ini merupakan masalah-masalah yang berhubung rapat dengan perpaduan negara. Kajian-kajian dan penyelidikan yang telah dijalankan, termasuklah kajian mengenai struk-

tur gunatenaga di sektor awam dan swasta di seluruh Malaysia Barat, kajian mengenai syarikat-syarikat persendirian dan syarikat-syarikat perkongsian, kajian tentang masalah setingan-setingan di kawasan Kuala Lumpur, kajian mengenai kesan perayaan Hari Kebangsaan, kajian mengenai perkampungan baru, kajian terhadap seluruh aspek sistem pelajaran dan kesannya terhadap pembinaan masyarakat, dan kajian terhadap penubuhan Majlis Kebudayaan Negara dan Akademi Sastera.

Selaras dengan dasar Kerajaan untuk melahirkan masyarakat perdagangan dan perusahaan di kalangan orang-orang Melayu dalam tempoh 20 tahun, Jabatan Perpaduan Negara telah memainkan peranan yang besar dalam menyediakan dan mengemukakan rancangan-rancangan mengenai strategi mewujudkan masyarakat perdagangan dan perusahaan di kalangan orang-orang Melayu; menyediakan tempat-tempat perniagaan dan perusahaan untuk bumiputera di Kuala Lumpur dan bandar-bandar yang lain, menyatukan badan-badan yang menguruskan perusahaan padi dan beras, penyertaan orang-orang Melayu dalam perusahaan pembinaan, membalak dan melombong.